

# *Reviews*

## Pameran *Sekinchan: Land of Fertility* oleh Chen Wei Meng: Alam sebagai Refleksi Kewujudan Manusia

**Safrizal Shahir**

*School of the Arts, Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA*

E-mail: safrizal@usm.my

**Published online:** 31 October 2017

**To cite this article:** Safrizal Shahir. 2017. Pameran *Sekinchan: Land of Fertility* oleh Chen Wei Meng: Alam sebagai refleksi kewujudan manusia. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 16: 213–218. <https://doi.org/10.21315/ws2017.16.9>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.21315/ws2017.16.9>

Pameran solo Chen Wei Meng yang bertajuk *Sekinchan: Land of Fertility* telah berlangsung di Wei-Ling Gallery, Kuala Lumpur dari 1 sehingga 30 Julai 2016. Seperti juga pameran-pameran solonya yang lepas, beberapa ciri atau indikasi corak gambaran yang menjadi *trademark* beliau ikut muncul dalam pamerannya ini. *Trademark* gambaran landskap dalam format horizontal melalui gambaran bersifat kanta cengkung atau kanta cembung, begitu jelas dapat diperhatikan. Namun begitu, melihat secara lebih lanjut dan membandingkan karya-karya terbaru ini dengan karya-karya yang pernah dicipta oleh Chen Wei Meng sebelum ini, boleh dikatakan wujud beberapa pembaharuan yang agak signifikan dalam konteks persembahan karya.

Terdapat tiga perkara yang paling jelas berbeza berbanding karya-karyanya sebelum ini. Pertama, hilangnya elemen figura manusia dalam gambaran landskap. Kedua, kembalinya Chen Wei Meng mengangkat tema landskap kawasan pertanian di desa. Ketiga, gambaran alam yang luas dan hebat. Pada kesempatan ini saya hanya akan mengulas berkaitan aspek kehilangan elemen figura manusia dalam gambaran landskap tersebut.

Kehilangan manusia dalam karya Chen Wei Meng kali ini adalah unik. Sebelum ini gambaran manusia wujud dan bersimpang siur dalam landskap yang digambarkan oleh beliau. Kini corak persembahan karyanya dengan jelas hanya mahu menumpukan kepada

subjek alam sawah padi di kawasan Sekinchan, Selangor. Dengan membasmi elemen figura manusia, lukisan-lukisan ini benar-benar mencadangkan penumpuan kepada alam tersebut dan karekteristiknya.

Terdapat beberapa ciri persembahan tertentu dalam karya ini yang dapat diperhatikan. Pertamanya, alam yang diwakili oleh subjek sawah padi telah digambarkan dalam format horizontal yang serba memanjang. Kedua, gambaran alam sawah padi itu telah dilukiskan dengan luas iaitu ia memenuhi dua pertiga ruang permukaan catan. Ketiga, gambaran keluasan dan kehebatan sawah padi itu telah di bina melalui pandangan kanta cembung. Elemen-elemen atau ciri ini telah meningkatkan tumpuan pemerhati kepada kehebatan dan keluasan alam yang digambarkan oleh Chen Wei Meng. Pemerhati seolah-olah telah terlupa akan kehilangan manusia yang sebenarnya menjadi pengusaha kepada aktiviti pertanian dan sekaligus memberi kesan kepada bentuk landskap sawah padi yang digambarkan.

Jika kita telah biasa melihat karya-karya landskap Chen Wei Meng sebelum ini, kita akan dapat merasakan suatu nilai kesepian yang tersendiri dalam karya terkini beliau. Gambaran sawah padi yang luas tanpa manusia ini telah menggemarkan rasa kehilangan. Ia seakan-akan mencadangkan kewujudan sebuah tempat yang tidak berpenghuni atau telah ditinggalkan (Gambar 1). Namun, alasan itu tertolak jika kita memerhatikan secara teliti akan kesan-kesan gambaran kepada landskap yang dilukis. Terdapat kesan aktiviti manusia yang bertani dalam karya-karya tersebut. Gambaran lukisan itu boleh memberi indikasi bahawa proses mengerat padi, membajak, dan menggembur tanah sedang atau telah berlaku (Gambar 2). Umum telah mengetahui bahawa kerja-kerja ini dilakukan oleh manusia tetapi dalam lukisan Chen Wei Meng, kelibat manusia menjalankan aktiviti tersebut tidak wujud. Apa yang ada hanyalah bekas-bekas atau kesan daripada kerja-kerja yang dilakukan oleh manusia.

Kehilangan manusia dalam lukisan landskap ini, dan pada waktu yang sama wujud pula bekas atau kesan aktiviti manusia padanya, mendatangkan persoalan lanjut dan juga misteri. Dimanakah manusia yang mengusahakan sawah padi ini? Adakah gambaran landskap ini mencadangkan bahawa sawah padi ini telah ditinggalkan?

Hubungan di antara aspek manusia dan lukisan landskap sawah padi ini adalah unik memandangkan, seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini, wujud bekas-bekas kehadiran dan aktiviti manusia pada sifat muka bumi itu sendiri. Maka, manusia itu sebenarnya wujud dan hadir dalam lukisan-lukisan landskap ini. Tubuh badannya tidak terzahir, namun kesan kehadirannya yang dicirikan melalui bekas-bekas aktivitinya dapat dilihat dengan jelas.



**Gambar 1** Chen Wei Meng, *Harvest Forms 3* (2016). Akrilik atas kanvas, 40 × 70 cm.  
Sumber: Wei-Ling Gallery. *Sekinchan: Land of Fertility* oleh Chen Wei Meng. <http://weiling-gallery.com/portfolio-item/chen-wei-meng-sekinchan-land-of-fertility-works/> (diakses pada 23 Februari 2017).

Maka sebenarnya, lukisan-lukisan landskap ini menggambarkan kewujudan dan interaksi manusia bersama alamnya. Walaupun alam itu telah diberikan penumpuan yang utama, hebat, dan besar, namun ironinya alam itu begitu terkait dan amat mesra dengan manusia yang berbakti kepadanya. Dari sudut ini, alam yang digambarkan itu mewakili manusia yang mengusahakannya. Ia bermaksud alam yang dilukis itu telah menggambarkan diri dan peribadi manusia-manusia yang hidup bersamanya.

Walaupun manusia tidak berkuasa mencipta dan membina alam, namun dari sudut lain manusia mampu mentadbir dan mengurus alam ini. Melalui lukisan landskap Cheng Wei Meng, kita dapat melihat bagaimana jalan raya telah dibina di kawasan bendang, saliran atau sistem perparitan dibina untuk mengairkan kawasan bendang, petang-petak sawah telah



**Gambar 2** Chen Wei Meng, *Impermanence 6* (2016). Akrilik atas kanvas, 60 × 135 cm.

Sumber: Wei-Ling Gallery. *Sekinchan: Land of Fertility* oleh Chen Wei Meng. <http://weiling-gallery.com/portfolio-item/chen-wei-meng-sekinchan-land-of-fertility-works/> (diakses pada 23 Februari 2017).

dibuat, padi telah ditanam dan kemudian dituai, aktiviti pembakaran petak sawah dilakukan (Gambar 3), jentolak atau tenggala telah digunakan untuk menggembur tanah bendang dan sebagainya.

Usaha dan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di atas dapat "dibaca" melalui catan-catan landskap tersebut. Senarionya mungkin berbeza jika gambaran sawah padi yang diketengahkan itu tidak memperlihatkan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan. Contohnya, dengan hanya menggambarkan keadaan sawah padi yang luas dan menghijau. Cara kita "membaca" gambaran tersebut tentulah berbeza dengan cara kita "membaca" gambaran sawah padi yang telah digembur atau telah mengalami proses "mengerat padi" (Gambar 4).

Saya cenderung untuk melihat bagaimana catan-catan landskap ini amat kuat menegaskan kehadiran manusia walaupun Cheng Wei Meng tidak menzahirkan satu figura manusia pun dalam karya catannya itu. Lukisan-lukisan landskap ini memberi gambaran kepada soal kehidupan manusia dan interaksinya dalam lingkungan atau alam yang didiaminya. Ia bermula dengan keperluan manusia kepada makanan yang dimenifestasikan



**Gambar 3** Chen Wei Meng, *Harvest Forms 1* (2016). Akrilik atas kanvas, 40 × 70 cm.  
Sumber: Wei-Ling Gallery. *Sekinchan: Land of Fertility* oleh Chen Wei Meng. <http://weiling-gallery.com/portfolio-item/chen-wei-meng-sekinchan-land-of-fertility-works/> (diakses pada 23 Februari 2017).

melalui aspek pertanian atau khususnya penanaman padi. Padi ditanam untuk mendapatkan beras yang menjadi makanan ruji bagi masyarakat di Asia Tenggara.

Kesemua karya-karya lukisan Cheng Wei Meng dalam siri ini telah menjadi indikator yang dapat mencadangkan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh sekumpulan manusia dalam sebuah kawasan. Lukisan-lukisan ini boleh juga dianggap sebagai bahan bukti yang direkodkan dari sebuah tempat untuk dianalisis bagi mencadangkan atau merumuskan aktiviti yang berlaku di tempat tersebut. Manusia atau pelaku aktiviti itu telah hilang namun kesan-kesan aktiviti itu wujud dengan jelas. Dari sudut ini, keadaan atau situasi sesebuah kawasan itu telah menjadi sama penting dengan manusia yang melakukan aktiviti di kawasan tersebut.



**Gambar 4** Chen Wei Meng, *Shape and Rhythm 1* (2015). Akrilik atas kanvas, 40 × 70 cm.  
Sumber: Wei-Ling Gallery. *Sekinchan: Land of Fertility* oleh Chen Wei Meng. <http://weiling-gallery.com/portfolio-item/chen-wei-meng-sekinchan-land-of-fertility-works/> (diakses pada 23 Februari 2017).

Kesimpulannya, saya merasakan siri lukisan landskap ini sebagai sesuatu yang bersifat ironik. Dari satu sudut, berkemungkinan Cheng Wei Meng ingin menggambarkan suasana atau kesan aktiviti sawah padi di kawasan Sekinchan, sambil membasmikan elemen figura manusia di dalam karyanya. Alam ingin digambarkan dengan hebat, luas, dan mengagumkan. Namun, dari sudut lain, alam yang digambarkan itu memberi biasan atau refleksi kepada aktiviti yang berlaku kepada gambaran landskap itu sendiri. Ia adalah berkaitan interaksi di antara manusia dan alam sekelilingnya. Ternyata gambaran landskap oleh Cheng Wei Meng ini telah mendefinisikan bukan hanya alam, tetapi manusia yang menghuni dan berinteraksi dengan alam itu sendiri.